

BAYARAN INSENTIF WILAYAH (BIW)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Bayaran Insentif Wilayah (BIW) dan siapakah pegawai yang layak diberi bayaran tersebut?

Bayaran Insentif Wilayah (BIW) dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah. Pegawai yang bertukar wilayah adalah seperti berikut:

- a. Pegawai yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang dilantik dan/atau ditempatkan di Semenanjung;
- b. Pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah dan Sarawak;
- c. Pegawai dari Sabah dan Sarawak yang bertukar di negeri-negeri itu.

2. Adakah pegawai yang telah diberi Bayaran Insentif Wilayah juga layak diberi Bayaran Bantuan Sara Hidup?

Tidak. Pegawai yang dibayar Bayaran Insentif Wilayah tidak layak menerima Bantuan Sara Hidup seperti tertakluk di bawah perenggan 4, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2005.

3. Adakah pegawai yang berkursus / cuti belajar di luar negeri atau dalam negeri (dalam takrif kursus) layak dibayar BIW jika berkursus melebihi 3 bulan?

Tidak. Pegawai tidak layak dibayar BIW.

4. Bagi pegawai yang berkursus lebih dari tiga (3) bulan, sama ada di dalam atau di luar negeri, Bayaran Insentif Wilayah akan diberhentikan, adakah pegawai layak menerima kos Bantuan Sara Hidup mengikut di mana wilayah pegawai berkursus?

Bagi pegawai yang menghadiri kursus (termasuk cuti belajar) melebihi tiga (3) bulan adalah tidak memenuhi syarat kelayakan untuk dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW), sebaliknya pegawai akan dibayar Bantuan Sara Hidup (COLA) berdasarkan kepada asas pemberian elauan yang sama iaitu untuk membantu menangani kos sara hidup yang kian meningkat. Perkara ini tertakluk di dalam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa yang dikeluarkan oleh Bahagian Modal Insan, JPA.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2012, COLA dibayar mengikut lokasi institusi pengajian bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang dalam negara.

Manakala Elaun Perumahan Wilayah (EPW) juga tidak akan dibayar kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan. Pegawai akan diberikan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP). Perkara ini tertakluk di dalam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa yang dikeluarkan oleh Bahagian Modal Insan, JPA.

- 5. Bayaran Insentif Wilayah (BIW) biasanya dibayar kepada pegawai yang berkhidmat di wilayah selain daripada wilayah asal. Apakah justifikasinya bagi seorang Pensyarah yang berasal dari Sarawak dan berkhidmat dengan UNIMAS (Sarawak) mendapat BIW.**

Untuk makluman tuan, Bayaran Insentif Wilayah (BIW) dibayar kepada:

- a. Pegawai yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang dilantik dan/atau ditempatkan di Semenanjung;
- b. Pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah dan Sarawak;
- c. Pegawai dari Sabah dan Sarawak yang bertukar di negeri-negeri itu;
- d. Pegawai di Sabah dan Sarawak yang bertugas di negeri masing-masing.

BIW dibayar mengikut peratusan tertentu berdasarkan lingkungan gaji pegawai (Rujuk Lampiran I, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2012).

Berdasarkan perenggan 4(d), Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2012 menyatakan pegawai yang dibayar BIW tidak layak dibayar Bantuan Sara Hidup (COLA).

Pegawai yang mendiami rumah kerajaan akan terus dibayar BIW.

- 6. Adakah pegawai suami dan isteri layak menerima Elaun Perumahan Wilayah dalam situasi suami berkhidmat di Sarawak manakala isteri berkhidmat di Sabah?**

Berdasarkan perenggan 6.5, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2001 (PP11/2001), pegawai suami dan isteri yang bertukar wilayah dan tidak menduduki rumah kerajaan, boleh dibayar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) masing-masing. Walau bagaimanapun, salah seorang antara mereka boleh memilih Elaun Perumahan Wilayah (EPW).

Penjelasan perenggan 6.5 PP11/2001 adalah sebagaimana berikut:

- a. pegawai suami isteri yang bertukar wilayah yang sama dan tidak menduduki rumah kerajaan, boleh dibayar ITP masing-masing. Walau bagaimanapun, salah seorang antara mereka boleh memilih EPW.
- b. pegawai suami isteri yang bertukar wilayah yang berbeza dan tidak menduduki rumah kerajaan layak dibayar EPW masing-masing.

Sehubungan itu, pelaksanaan pemberian EPW adalah tertakluk kepada perenggan 6.5 PP11/2001 dan penjelasan seperti (b) di atas memandangkan suami dan isteri (asal Semenanjung) telah bertukar ke wilayah yang berbeza.

Rujukan:

- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1988
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007